

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JULAI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT :34

Inflasi mereda, tiada keperluan naikan OPR tahun ini - Pakar Ekonomi

Inflasi mereda, tiada keperluan naikan OPR tahun ini - Pakar Ekonomi

Oleh MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pakar ekonomi berpandangan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) tidak perlu menaikkan lagi Kadar Dasar Semalaman (OPR) hingga hujung tahun ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, ia ekoran kadar inflasi negara kini sudah berada di julat yang sesuai.

Menurut Ahmed Razman, laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) kelmarin menunjukkan kadar inflasi negara pada Jun 2023 mereda kepada 2.4 peratus dan merupakan yang terendah dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Ujar beliau, penurunan berkenaan merupakan sesuatu yang amat positif di samping indeks harga makanan turut turun daripada 5.9 peratus kepada 4.7 peratus.



LANGKAH berjimat-berhemah yang diamalkan oleh pengguna, dikatakan membantu menurunkan indeks harga makanan, sekali gus mengurangkan kadar inflasi negara. - GAMBAR HIASAN

"Sekurang-kurangnya dengan penurunan ini ia dapat memberi sedikit nafas lega kepada rakyat dalam mendepani kos sara hidup. "Oleh itu, saya tidak merasa

kan MPC BNM perlu menaikkan lagi kadar OPR pada tahun ini kerana kadar inflasi sudah berada di julat yang sesuai," katanya. Ditanya mengenai faktor yang

mendorong inflasi mereda pada Jun, Ahmed Razman berkata, pihaknya berpandangan ia mungkin disebabkan langkah yang diambil pengguna dalam

berjimat-berhemah. "Kemungkinan rakyat sudah mula mengamalkan perbelanjaan yang berhemah menyebabkan penurunan permintaan sekali gus tidak menyebabkan kenaikan harga barangan," katanya.

Sementara itu, AmBank (M) Bhd. dalam nota penyelidikan berkata, sekiranya inflasi keseluruhan meningkat sebanyak 0.2 peratus bulan ke bulan sepanjang baki tahun ini, bacaan setahun penuh adalah di paras 2.7 peratus.

Katanya, ia sekaligus menunjukkan kadar inflasi utama berada di bawah unjuran bank berkenaan bagi tahun ini iaitu di antara 3.0 hingga 3.5 peratus.

"Menegenai inflasi teras pula, momentum menurun dijangka berterusan berikutan kesan daripada kenaikan kadar faedah yang dibuat oleh bank pusat.

"Oleh itu, kami tidak melihat sebarang keperluan mendesak untuk kadar faedah dinaikkan lebih tinggi dan kami mengulangi pandangan kami bahawa OPR akan berada pada tiga peratus sepanjang tahun," katanya.